

# Jajanan akan ambil alih tugas Pemadam

Oleh HAMIDAH KAMARUDDIN

IPOH, Ahad — Kerajaan akan mengambil alih sebahagian tugas Pemadam dan menghadkan kegiatannya kepada satu lapangan yang bersesuaian dengan tugasnya sebagai badan sukarela untuk menumpukan tenaganya kepada aspek-aspek tertentu saja.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan demikian ketika berucap merasmikan perhimpunan agung tahunan ke-6 Pemadam kebangsaan di Dewan Perbandaran Ipoh, hari ini.

Katanya, kerajaan berpendapat Pemadam seharusnya lebih menumpukan tenaganya kepada usaha-usaha jagaan lanjut atau "after care counselling" bagi penagih-penagih yang menjalani pemulihan di beberapa pusat di seluruh negara.

Perdana Menteri berkata, usaha-usaha pemulihan yang dijalankan oleh Pemadam sekarang bolehlah diserahkan kepada agensi-agensi kerajaan supaya dapat diselaraskan dengan pusat-pusat pemulihan kerajaan seperti di Tampoi, Johor; Beasut, Terengganu; Bukit Mertajam, Pulau Pinang dan Pusat Serenti di Tampin, Melaka.

Perdana Menteri menegaskan, jajaan lanjut ini amat penting terutama dalam jangka masa enam bulan selepas penagih-penagih ini menjalani pemulihan.

"Dalam masa enam bulan ini, jika bekas penagih ini dipengaruhi semula oleh rakan-rakan mereka yang memperkenalkan mereka kepada dadah, maka mereka akan kembali kepada amalan lama.

"Oleh itu, amat penting pada masa enam bulan selepas mereka dipulih satu badan sukarela seperti Pemadam dan anggota-anggotanya memberi rawatan lanjut kepada penagih-penagih ini dengan cara mendekati diri dan memberi tunjangan," tambahnya.

Katanya, usaha-usaha pemulihan berkehendakan wang yang banyak dan kakitangan yang ramai. Pemadam tentunya dapat memahami masalah ini kerana pusat-pusat pemulihannya seperti di Sungai Besi menghadapi masalah ini.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, kerajaan tidak bercadang mengambil alih pusat pemulihan Pemadam di Sungai Besi sehingga pada tarikh yang difikirkan sesuai.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyarankan kepada Pemadam supaya meneruskan tugas lamanya dalam aspek-aspek penerangan untuk menghindarkan penyalahgunaan dadah. Katanya, ahli-ahli Pemadam dari masyarakat setempat dapat memberi penerangan dan pengajaran kepada ibu bapa dan keluarga bekas penagih.

"Masyarakat setempat mempunyai tugas yang berat terhadap bekas penagih-penagih dadah.

"Anggota masyarakat tidak patut mencemuh atau melakukan perkara-perkara yang mendalihkan tekanan kepada jiwa bekas penagih dadah," kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Bellau mengingatkan, selepas tempoh enam bulan pertama keluar dari pusat pemulihan, bekas penagih berkehendakan sokongan moral setahun hingga dua tahun selepas itu.

Bellau berkata, ahli-ahli Pemadam juga dapat membantu bekas-bekas penagih itu mencari pekerjaan.

"Difahamkan, ahli-ahli Pemadam ada yang menjadi saudara angkat dan ini adalah satu aspek jajaan lanjut yang terpuji dan harus diberi penekanan oleh Pemadam," tambahnya.

Datuk Seri Dr. Mahathir menyeru supaya lebih banyak firma, yayasan pengajian tinggi dan sekolah menjadi ahli Pemadam kerana anggotanya lebih ramai masyarakat, institusi awam dan swasta akan membolehkan Pemadam bergerak dengan lebih berkesan.

Bellau mengingatkan, setiap anggota masyarakat di negara ini supaya sentiasa berwaspada dan bersama-sama tampil untuk memperhebatkan usaha menentang perubatan yang sangat merbahaya dan terkutuk ini.



DATUK Seri Dr. Mahathir ditemani oleh Menteri Kewangan Tanah dan Wilayah, Datuk Rais Yatim, memeriksa perbarisan anggota Pemadam Sungai Besi di perkarangan Majlis Perbandaran Ipoh, semalam.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

No. Siri .. 5835 .....  
No. Penerimaan .. 152 / 86 .....